



DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
MINISTER OF COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA MALAYSIA

AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998

ARAHAN MENTERI MENGENAI PENGGUNAAN SPEKTRUM DI DALAM JALUR FREKUENSI 703 MHz HINGGA 743 MHz BERPASANGAN DENGAN 758 MHz HINGGA 798 MHz

ARAHAN MENTERI NO. 4 TAHUN 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] (“Akta”), Menteri dengan ini mengeluarkan arahan kepada Suruhanjaya seperti berikut:

Nama dan Tarikh Kuat Kuasa

1. Arahan ini bolehlah disebut sebagai **Arahan Menteri Mengenai Penggunaan Spektrum Di Dalam Jalur Frekuensi 703 MHz Hingga 743 MHz Berpasangan Dengan 758 MHz Hingga 798 MHz, Arahan Menteri No. 4 Tahun 2020.**
2. Arahan ini mula berkuat kuasa pada tarikh Arahan ini didaftarkan.

Tafsiran

3. Dalam Arahan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, apa-apa terma hendaklah ditafsirkan mengikut dan tertakluk kepada Akta atau perundangan subsidiari yang relevan di bawahnya.

Penggunaan Spektrum Di Dalam Jalur Frekuensi 703 MHz Hingga 743 MHz Berpasangan Dengan 758 MHz Hingga 798 MHz

4. Tertakluk kepada peruntukan dalam Akta dan perundangan subsidiari yang relevan di bawahnya, Suruhanjaya diarahkan untuk melaksanakan penguntukan spektrum melalui hak keutamaan di bawah seksyen 174 Akta kepada pemegang-pemegang lesen yang berikut:

No.	Nama Pemegang Lesen	Jalur Frekuensi yang Diperuntukkan
1	Altel Communications Sdn Bhd (No. Syarikat: 201201010379)	713 MHz hingga 718 MHz berpasangan dengan 768 MHz hingga 773 MHz
2	Celcom Axiata Berhad (No. Syarikat: 198801000113)	723 MHz hingga 733 MHz berpasangan dengan 778 MHz hingga 788 MHz
3	Digi Telecommunications Sdn Bhd (No. Syarikat: 199001009711)	703 MHz hingga 713 MHz berpasangan dengan 758 MHz hingga 768 MHz
4	Maxis Broadband Sdn Bhd (No. Syarikat: 199201002549)	733 MHz hingga 743 MHz berpasangan dengan 788 MHz hingga 798 MHz
5	Telekom Malaysia Berhad (No. Syarikat: 198401016183)	718 MHz hingga 723 MHz berpasangan dengan 773 MHz hingga 778 MHz


5. Suruhanjaya hendaklah mengambil langkah-langkah segera di bawah peruntukan Akta dan perundangan subsidiari yang relevan dibawahnya untuk melaksanakan penguntukan spektrum kepada pemegang-pemegang lesen yang dinyatakan di perenggan 4 dalam Arahan ini.

6. Tertakluk kepada peruntukan dalam Akta dan perundangan subsidiari yang relevan dibawahnya, Suruhanjaya diarahkan selanjutnya untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:

- (a) Penguntukan spektrum seperti yang dinyatakan di perenggan 4 dalam Arahan ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat serta keperluan tambahan yang akan ditetapkan oleh Suruhanjaya; dan
- (b) Mengambil apa-apa langkah dan tindakan lain supaya Arahan ini dilaksanakan dengan sempurna.

7. Menteri boleh pada bila-bila masa mengubahsuaikan, mengubah atau membatalkan Arahan ini.

Tarikh: **15 MEI 2020**
[KKMM.BKMC(S).600-1/6/2(4)]



DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH
Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia